

04 AUG 1999

MAPEN II

MAPEN II MENILAI PENCAPAIAN DNP, SYOR DASAR BARU

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini, akan menilai pencapaian Dasar Pembangunan Negara (DPN).

MAPEN II juga akan mengemukakan kepada kerajaan syor-syor mengenai dasar baru yang akan memandu pembangunan negara selepas tahun 2000.

Menurut Urusetia MAPEN II di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, majlis itu adalah satu forum rasmi yang akan memberi peluang kepada rakyat daripada pelbagai latar belakang dan kepentingan untuk mengemukakan pandangan mereka mengenai pencapaian DPN dan seterusnya memperakukan dasar baru selepas tahun 2000.

Kerajaan telah menyediakan terma rujukan kepada MAPEN II dalam menjalankan tugas untuk mencapai objektifnya, seperti faktor-faktor yang telah menyumbang kepada atau menghalang pencapaian prestasi DPN.

Antara tumpuan di dalam penilaian prestasi DPN adalah pencapaian program pengurangan kemiskinan, penyusunan semula gunatenaga, penyusunan semula hak milik saham sektor korporat, pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dan pengagihan pendapatan di antara kumpulan etnik, kawasan luar bandar dan antara negeri.

Ini termasuklah faktor yang membantu atau menghalang pencapaian penuh objektif dan sasaran DPN serta peranan yang telah dimainkan oleh kadar pertumbuhan ekonomi, dan peluang perniagaan dan pekerjaan yang diwujudkan olehnya.

Menurut urusetia itu, dalam merangka syor dasar baru untuk selepas tahun 2000, MAPEN II perlu mengemukakan syor mengenai teras dasar baru yang bakal menggantikan DPN serta strategi dan sasaran program pengagihan program penyusunan semula gunatenaga dan hak milik saham dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi makro, sektor-sektor utama ekonomi dan pelaburan asing.

Syor-syor mengenai dasar-dasar baru selepas tahun 2000 itu juga hendaklah menyentuh program MPPB dan strategi pengwujudan kumpulan pendapatan menengah bumiputera yang lebih besar dan usaha mengurangkan jurang pendapatan di antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah.

MAPEN II dianggotai 155 wakil pelbagai kumpulan dan kepentingan termasuk parti politik, dewan perniagaan, badan professional, persatuan industri dan perniagaan, badan bukan kerajaan, kumpulan minoriti, belia, wanita dan individu terpilih.

Ia dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan tugasnya dalam masa setahun yang akan berakhir pada Ogos 2000.

-- BERNAMA

MK MFJ MA